

Fakta Yang Perlu Anda Tahu Tentang

PANDUAN UNTUK
ANGGOTA KESIHATAN

EKSTASI

APA ITU EKSTASI?

- Dadah perangsang jenis amfetamina (Amphetamina-Type Stimulants (ATS)).

- Nama kimianya adalah 3,4 Methylenedioxymethamphetamine atau MDMA.

- Seperti dadah lain yang diharamkan, tiada kawalan ke atas pengeluaran seperti ketulinan dan kebersihan sewaktu proses pengeluaran secara haram dilakukan.

- Pencemaran kerap terjadi sewaktu proses pengeluaran secara haram melalui pencampuran bahan mentah yang rendah mutunya.

- Ini menyebabkan dadah tersebut mengandungi kekuatan MDMA yang pelbagai yang boleh meningkatkan risiko penyalahguna dadah ini mengambil dos yang berlebihan, mengalami keracunan atau reaksi yang buruk.

NAMA-NAMA LAIN

- Ekstasi dikenali dengan pelbagai nama bergantung kepada bentuk.
  - *Love drug*
  - *Yuppie drug*
  - *Dance drug*
  - *Pink lady*
  - *Playboy*
- Nama-nama ini seringkali bertukar.

BENTUK DAN DOS

- Ekstasi selalunya berbentuk tablet berwarna putih, kuning atau perang yang terdapat dalam pelbagai saiz, rupa dan corak.
- Dos kebanyakan dadah ini adalah 50-150 mg untuk satu tablet.
- Selalunya dos 75 – 100 mg adalah berkesan.
- Walau bagaimanapun penyalahguna dadah ini mungkin memerlukan dos yang lebih untuk mendapatkan kesan yang sama akibat penggunaan yang berulang.

CARA EKSTASI DIGUNAKAN

- Menelan – cara yang paling biasa walaupun dadah ini berasa pahit.
- Menyedut melalui hidung – dadah ini dihancurkan ke dalam bentuk serbuk dan disedut melalui hidung.
- Dimasukkan melalui dubur iaitu dadah akan diserap ke dalam badan.
- Melalui suntikan – dadah ini boleh didapati dalam bentuk cecair dan cara ini digunakan dengan meluas di Barat.

PREVALEN PENGGUNAAN DI MALAYSIA

- Dadah ini sering diambil oleh remaja sewaktu menghadiri majlis tari menari, pesta atau di pusat-pusat hiburan kerana kesan stimulasi dadah ini.

- Dipercayai penggunaan dadah ini mula menular ke Malaysia pada awal tahun 1996.

- Ekstasi yang diimport dipercayai berharga RM 100.00 manakala tiruan berharga RM 40.00.

- Rampasan pil ini sejak tahun 1996 sehingga Mei 2000 adalah:

♦ 1996	-	20,276 pil
♦ 1997	-	38,389 pil
♦ 1998	-	9,231 pil
♦ 1999	-	55,975 pil
Sehingga Mei 2000	-	22,554 pil

- Berdasarkan satu serbuan di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur – 180 daripada 445 (40.4%) pengunjung disko haram didapati positif menggunakan Ekstasi.

KESAN PENGGUNAAN EKSTASI

- Kesan yang menyeronokkan

  - ♦ Berasa gembira dan seronok, bersikap terbuka, sensitif kepada sentuhan, cepat mesra dan mudah berdamping dengan orang lain.

  - ♦ Penyalahguna dadah ini berasa yakin, menarik dan tenang.

  - ♦ Kesan ini ditambah lagi dengan alunan muzik yang dirasakan selari dengan degupan jantung dan ini menyebabkan penyalahguna dadah ini boleh menari dengan lebih rancak untuk tempoh yang lama.

- Hilang tingkah laku persaingan dan agresif dan menimbulkan rasa lebih berahi dan cinta apabila melakukan hubungan sex.

- Kesan buruk

  - Peningkatan kadar degupan jantung, suhu badan dan peningkatan tekanan darah.

  - Kancing gigi, mulut kering, muntah, hilang selera makan, kekejangan otot, berpeluh, rasa panas dan sejuk, dahaga, masalah kencing, pening, risau, takut, cemas dan sukar untuk tidur.

  - Kaum lelaki boleh mengalami masalah mati pucuk.

  - Rasa terancam dan tidak yakin terutamanya apabila berhadapan dengan orang yang tidak dikenali.

- Kesan Ekstasi selalunya bermula dalam tempoh 20 minit selepas pengambilan dan boleh berlanjutan sehingga 6 jam. Ada penyalahguna dadah ini dilaporkan mengalami kesan dadah ini sehingga 32 jam selepas diambil.

- Kesan pengambilan Ekstasi selalunya melalui 3 fasa:

  - **Peringkat permulaan :**
    penyalahguna berasa khayal

  - **Peringkat pertengahan :**
    penyalahguna berasa gembira, seronok dan tenang

  - **Peringkat akhir :**
    penyalahguna berasa letih, tertekan, murung, gementar, hilang tumpuan, sukar tidur dan berasa tidak selamat.

- **Peringkat akhir :**
  penyalahguna berasa letih, tertekan, murung, gementar, hilang tumpuan, sukar tidur dan berasa tidak selamat.

- Dengan penggunaan yang kerap dan berulang, penyalahguna dadah akan mengalami kesan yang sama dan seterusnya menyebabkan kekeliruan.

- Penyalahguna dadah ini yang mengalami masalah tekanan darah tinggi, penyakit jantung, diabetes, masalah hati, sawan, bermasalah mental atau cemas akan mengalami risiko kemudaratan yang lebih tinggi dari segi fizikal dan psikologikal kesan daripada mengambil dadah Ekstasi.

KESAN PENGAMBILAN DOS YANG TINGGI

- Pengambilan dos yang tinggi tidak akan meningkatkan kesan yang menyeronokkan tetapi sebaliknya menyebabkan kesan buruk seperti:

  - Muntah
  - Perasaan melayang / terapung
  - Bertingkahlaku ganjil
  - Paranoia (rasa takut yang tidak munasabah)
  - Tertekan
  - Halusinasi (khayal)
  - Sawan

- Pengambilan dos yang tinggi boleh menyebabkan peningkatan suhu badan, tekanan darah dan kadar degupan jantung. Ini boleh membawa kepada kematian terutamanya kepada mereka yang menghidapi:

  - Masalah jantung
  - Masalah pernafasan
  - Tekanan dan masalah psikologikal lain

ANCAMAN KEPADA KESIHATAN AKIBAT EKSTASI

- **Pergantungan Psikologikal**

  - Penyalahguna menjadi terlalu bergantung kepada dadah ini.
  - Mengambil dadah ini menjadi lebih penting daripada aktiviti kehidupan yang lain.
  - Adalah sukar untuk penyalahguna dadah ini berhenti atau mengurangkan penggunaan Ekstasi.

- **Kerosakan Kepada Otak dan Sistem Saraf Pusat**

  - Kesan dadah ini ke atas sistem saraf boleh menyebabkan peningkatan suhu badan, kadar denyutan nadi dan tekanan darah.
  - Risiko ini ditambah dengan peningkatan suhu badan dan minum berlebihan boleh menyebabkan pembengkakan dan pendarahan kepada otak yang membawa kepada kerosakan otak dan kematian.

- Penggunaan yang lama boleh menyebabkan kerosakan kepada saraf dan bahagian otak:

Kerosakan Kepada Jantung

- Kadar degupan jantung yang kencang dan peningkatan tekanan darah yang disebabkan oleh dadah ini boleh mengakibatkan kadar degupan jantung yang tidak normal, kegagalan jantung dan kematian.

Kerosakan Kepada Hati

- Ekstasi dikenalpasti boleh menyebabkan kerosakan kepada hati.

Kerosakan Kepada Buah Pinggang

- Peningkatan suhu yang melampau dan kekurangan cecair dalam badan yang disebabkan oleh dadah ini boleh mendorong kepada kegagalan buah pinggang dan kematian.

Kecederaan Kepada Otot dan Tulang

- Tarian rancak di bawah pengaruh Ekstasi boleh mencederakan otot, sendi dan tulang.

Gangguan Pembekuan Darah

- Ekstasi boleh mengganggu pembekuan darah dan menyebabkan pendarahan dalaman serta kematian.

Bahaya Ketika Mengandung

- Ekstasi boleh menyebabkan kecacatan kepada bayi dalam kandungan.

- Ekstasi juga boleh menyebabkan keguguran.

- **Bahaya Di Jalan Raya**

  - Pengguna jalan raya di bawah pengaruh Ekstasi mempunyai risiko menghadapi kemalangan jalan raya kerana terlalu yakin, mempunyai penglihatan yang kabur serta khayal.

- **Bahaya Eksploitasi Seks dan Seks Yang Tidak Selamat**

  - Remaja wanita yang mengambil Ekstasi terdedah kepada eksploitasi seks, perlakuan seks yang tidak selamat serta boleh dijangkiti AIDS, Hepatitis dan penyakit kelamin yang lain.

- **Masalah-masalah Sosial Yang Lain**

  - Menjejaskan semua aspek kehidupan pengguna Ekstasi tersebut termasuklah keluarga, pekerjaan dan hubungan personal. Sebagai contoh, pertelingkahan tentang penyalahgunaan dadah ini boleh memusnahkan hubungan kekeluargaan.

  - Keadaan penyalahguna yang sentiasa gelisah dan tidak rasional boleh memburukkan lagi keadaan.

BAGAIMANA EKSTASI MEMBAWA KEMATIAN

- Tiada kaitan di antara dos yang diambil dengan risiko kesan sampingan dan kematian. Penyalahguna dadah ini boleh kehilangan nyawa hanya dengan mengambil sebiji dadah ini.

- Kebanyakan kematian yang berlaku kepada penyalahguna dadah ini tanpa menunjukkan kesan buruk pengambilan dadah ini.

- Tiada siapa yang tahu kenapa sebilangan penyalahguna dadah ini boleh mengalami reaksi buruk terhadap dadah ini.

- Kematian boleh diakibatkan daripada :

  - Kesan stimulasi dadah

    Tekanan darah yang tinggi, peningkatan suhu badan dan kadar denyutan jantung akibat pengambilan dadah ini mengakibatkan serangan jantung dan pendarahan dalam otak.

  - Kenaikan Suhu Yang Melampau

    - Penyebab majoriti kematian.

    - Peningkatan suhu badan disebabkan pengambilan dadah akan menjadi lebih kritikal selepas tarian yang rancak dalam suasana yang panas di kelab malam atau disko.

    - Kegagalan menggantikan kandungan garam dan air disebabkan berpeluh boleh mengakibatkan dehidrasi atau kandungan cecair yang tidak seimbang dalam badan. Ini menyebabkan badan cuba mengekalkan cecair dalam badan dengan menghentikan mekanisma perpeluhan dan buah pinggang.

    - Peningkatan suhu badan mendorong kepada sawan, koma, kegagalan buah pinggang dan kematian.

  - Minum Berlebihan

    - Beberapa kematian telah berlaku akibat minum berlebihan pada satu masa disebabkan dahaga.

    - Di bawah pengaruh Ekstasi penyalahguna dadah ini didapati minum 20 liter air dalam tempoh 3 jam. Ini mengakibatkan kecairan pada darah dan pembengkakan sel badan.

Pembengkakkan sel yang berlaku pada otak sangat berbahaya kerana ini boleh menyebabkan otak berkembang sehingga dihancurkan oleh tengkorak.

- Membawa kerosakan kepada pusat-pusat otak yang mengawal jantung dan sistem pernafasan dan ini mengakibatkan kematian.

- Dadah ini juga mengeluarkan hormon yang menghalang fungsi buah pinggang mengeluarkan air yang berlebihan dan ini memburukkan lagi keadaan.

KAWALAN UNDANG-UNDANG TENTANG EKSTASI

- Sejak 21 Mei 1986 Ekstasi (MDMA) telah disenaraikan sebagai dadah berbahaya di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 (pindaan 1980).

  - Penguatkuasaan oleh Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Agensi Dadah Kebangsaan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Di bawah Seksyen 12 Akta tersebut, sesiapa yang didapati mengimport, mengeksport atau memiliki MDMA tanpa kuasa atau kebenaran sah, didapati melakukan kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman tidak melebihi RM 20,000.00 atau dipenjarakan sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

- Menyedari hukuman ringan yang dikenakan dan bahaya penggunaan dadah ini, Kementerian Kesihatan telah mencadangkan dan menerima kelulusan Parlimen pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya pada 1 Julai 1998 untuk meningkatkan hukuman berkaitan dadah berbahaya serta meningkatkan kawalan ke atas dadah peransang jenis amfetamina termasuk Ekstasi.

- Akta Dadah Berbahaya (pindaan 1998) mula berkuatkuasa pada 15 September 1998. Di bawah pindaan Akta ini hukuman yang dikenakan adalah:

  - Pemilikan kurang daripada 5 gm MDMA dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 12(3) Akta berkenaan iaitu denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

  - Pemilikan lebih 5 gm tetapi kurang 30 gm MDMA dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 39A(1) Akta berkenaan iaitu penjara 2 hingga 5 tahun dan 3 hingga 9 sebatan.

  - Pemilikan lebih 30 gm tetapi kurang 50 gm MDMA dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 39A(2) Akta berkenaan iaitu penjara 5 tahun sehingga seumur hidup dan tidak kurang daripada 10 sebatan.

  - Pemilikan lebih 50 gm dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 39B Akta berkenaan iaitu hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan kerana dianggap mengedar dadah.

- Pindaan kepada Akta ini juga memasukkan hukuman sebatan mandatori sehingga 3 sebatan ke atas anggota perkhidmatan yang bertugas di pusat-pusat pemulihan, lokap polis, penjara dan kem-kem tahanan yang didapati memiliki dadah berbahaya.

DATA TANGKAPAN PEMILIKAN EKSTASI (1996 HINGGA MEI 2000)

	1996	1997	1998	1999	Jan – Mei 2000
Seksyen 39B	3	44	50	41	38
Seksyen 39A(2)	-	-	-	11	29
Seksyen 39A(1)	-	-	1	41	5
Seksyen-seksyen Lain	48	23	34	219	46
Jumlah	**51**	**67**	**85**	**312**	**118**

ECSTASY

WHAT IS ECSTASY?

- A drug under the Amphetamine-Type Stimulants (ATS) group
- Chemically known as 3, 4 Methylenedioxymethamphetamine or MDMA
- Like other prohibited drugs, no controls on factors such as the strength of the drug and hygiene during its illegal manufacture
- Adulteration often takes place during its illegal manufacture, with the addition of cheaper ingredients
- The drug will contain varying amounts of MDMA – increase the risk of a user overdosing himself, being poisoned or experiencing adverse reactions after taking it

OTHER STREET NAMES FOR ECSTASY

- Ecstasy is also known by many other street names depending on the design of the pills
  - Love drug
  - Yuppie drug
  - Dance drug
  - Pink lady
  - Playboy
- These names can change every few months

APPEARANCE AND DOSAGE

- Ecstasy usually comes in the form of small white, or yellow to brown coloured tablets of various sizes, shapes and designs.
- Most street pills are 50 – 150 mg per tablet.
- It is usually effective at a single dose of 75 – 100 mg.
- However, after repeated use over several months, some users may need to increase the dose to get the same effects.

HOW IS IT USED?

- Swallowing – the most common way to use it even though it tastes bitter
- Sniffing - tablets can also be crushed into powder and sniffed.
- Insertion into anus – tablets can also be inserted into the anus where it is absorbed.
- Injection – also available in liquid form and injecting Ecstasy has recently become popular in Western countries.

PREVALENCE OF USAGE IN MALAYSIA

- Taken by some young people prior to, or during, dance or rave parties usually at illegal nightclubs, discos, karaoke lounges and other entertainment outlets for its stimulant effects.
- Believed to have first entered the Malaysian market in early 1996.

- Said to be priced at RM100 per pill for the imported version and about RM40 each for the imitation version.

- The quantity of Ecstasy pills seized by the enforcement authorities over the years amounted to :

  - 1996 : 20,276 pills
  - 1997 : 38,389 pills
  - 1998 : 9,231 pills
  - 1999 : 55,975 pills

- The amount seized in the first 5 months of this year (January – May 2000) – 22,554 pills.

- Recent raid at Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur – 180 out of the 445 illegal disco patrons detained (40.4%) tested positive for ATS.

IMMEDIATE EFFECTS OF ECSTASY

- "Pleasant" effects :

  - Intense feelings of happiness and enjoyment, calmness, openness, sensitivity to touch, intimacy, and closeness to other people (hence the name 'love drug').

  - User feels confident, attractive and peaceful.

  - Effects intensified on the dance floor where the beat of the music can appear to synchronise with the person's heart beats, thus causing him or her to dance even more vigorously for a prolonged period.

- Loss of competitive and aggressive behaviour, and sex under its influence can appear slower, more passionate and loving.

- Unpleasant effects :

  - Increased heart rate, body temperature and blood pressure.

  - Jaw clenching and teeth grinding, dry mouth, vomiting, loss of appetite, muscle cramps, sweating, hot and cold flushes, increased thirst, reduced urine flow, dizziness, anxiety, fear, panic and difficulty in sleeping.

  - Men can have problems getting erections and there may be difficulty achiesving orgasms.

  - Some people feel threatened and defenceless, especially with people they don't know.

- Effects of ecstasy usually begin within 20 minutes of taking the drug and may last up to six hours. Some people have reported some symtoms persisting up to 32 hours after using Ecstasy.

- The effects usually go through three phases :

  - ***Coming up :***
    users feel a rush and sudden high

  - ***The plateau :***
    where the user may feel good, happy, and relaxed; then

  - ***Coming down :***
    where users may feel physically exhausted, depressed, anxious, and irritable; and have problems concertrating, sleeping, and feeling insecure.

- With repeated frequent use of drug, "flashback" can occur, where the "trip" is briefly relived afterwards, causing confusion.

- Anyone, suffering from hypertension, heart disease, diabetes, liver problems, epilepsy, and a history of mental illness or panic attacks is a greater risk of physical and psychological harm taking Ecstasy.

EFFECTS OF HIGHER DOSES OR OVERDOSE OF ECSTASY

- Higher doses do not increase the "pleasant" effects but may cause:
  - Vomiting
  - Floating sensations
  - Bizzare behaviour
  - Paranoia
  - Depression
  - Hallucinations and
  - Fits
- Overdose from Ecstasy can cause very high body temperature, blood pressure and heart rate, which can lead to death especially for people with :
  - An existing heart condition
  - Breathing problems
  - Depression and other psychological disorders

DANGERS TO HEALTH CAUSED BY ECSTASY

- **Psychological Dependence**
  - User becomes psychologically dependent on ecstasy.
  - Using the drug becomes more important than other activities in the person's life.
  - It becomes difficult for him or her to stop or decrease the use of Ecstasy.
- **Damage To The Brain And Central Nervous System**
  - The drug's effects on the body's central nervous system causes the body temperature, pulse rate and blood pressure to rise.
  - These together with the overheating and overdrinking can cause swelling and bleeding in the brain, with brain damage and death.
  - Long term use of Ecstasy also causes permanent damage to nerve terminals and parts of the brain.
- **Damage To The Heart**
  - Rapid heart rate and high blood pressure caused by the drug can lead to irregular heart beats, heart failure and death.
- **Damage To The Liver**
  - Ecstasy is known to cause liver damage.

- **Damage To The Kidneys**

  - Overheating and severe loss of body fluids caused by the drug can lead to acute kidney failure and death.

- **Injury To The Muscles And Bones**

  - Prolonged dancing caused by Ecstasy can injure the muscles, joints and bones.

- **Disturbance To Blood Clotting**

  - Ecstasy may stop blood from clotting causing internal bleeding and death in users.

- **Danger During Pregnancy**

  - Ecstasy may cross the placenta and cause harm to the unborn child.

  - Miscarriage can occur.

- **Danger On The Road**

  - Risk of a road traffic accident increases when a driver is under the influence of Ecstasy because of overconfidence, blurred vi sion and hallucinations.

- **Danger From Sexual Exploitation And Unsafe Sex**

  - Young people, especially girls, who are under the influence of Ecstasy will be exposed to the dangers of sexual exploitation, especially unsafe and unprotected sex, with the likelihood of contracting HIV, Hepatitis, and other sexually transmitted diseases.

- **Other Social Problems**

  - All aspects of the person's life, including family, work, and personal relationships will also be affected. For example, arguments over drug use can cause family and relationship problems that may lead to a break-up.

  - The anxiety and irrational behaviour caused by Ecstasy may further aggravate these problems.

HOW DOES DEATH COME ABOUT IN ECSTASY USERS?

- There is no relationship between the dose taken and risk of serious side effects or death person can die from just taking one tablet.

- Most of the deaths have occured in people who have taken Ecstasy before without experiencing harmful effects.

- No one knows why some people have severe reactions to the drug.

- Death can result from :

  - **The stimulant effect of the drug**

    - The very high blood pressure, body temperature and heart rate caused by the drug can result in heart attacks and bleeding in the brain.

  - **Overheating**

    - The cause of the majority of deaths.

    - The high body temperature caused by the drug rises even higher after prolonged and vigorous dancing in a hot nightclub and disco.

    - Failure to replace the salt and water lost in sweating causes dehydration, or inadequate fluid in the body the body then tries to retain fluid in the body by switching off the sweating mechanism and the kidneys.

    - Overheating leads to fits, coma, acute kidney failure and death.

  - **Drinking too much**

    - Several deaths have occurred from drinking too much water all at once because of the thirst.

    - Under the influence of Ecstasy people have been known to drink 20 litres in 3 hours – the blood gets diluted and makes the cells in the body swell up, which is particularly lethal in the brain, causing it to expand and to be crushed by the skull.

- The centres of the brain that regulate the heart and breathing become irreversibly damaged, and the person dies.

- The drug also causes the release of an anti-diuretic hormone which prevents the kidney from getting rid of the excess water, thus making matters worse.

WHAT DOES THE LAW SAY ABOUT ECSTASY?

- Since 21st May 1986 Ecstasy (MDMA) has been listed as a dangerous drug under the First Schedule of the Dangerous Drugs Act 1952 (Revised 1980).

  - Enforced by the Pharmaceutical Division of the Ministry of Health, with the assistance of the Royal Malaysian Police, National Drug Agency, and the Royal Malaysian Customs and Excise Department.

- Under Section 12 of the Act, anyone found importing, exporting or possessing MDMA without proper authority commits an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding RM 20,000 or to imprisonment for a term not exceeding 5 years or to both.

- Realising the inadequacy of this penalty and the dangers of the drug, the Ministry of Health submitted and obtained parliament's approval for the Dangerous Drugs Act to be amended on 1st July 1998 to enhance the general penalty for offences related to dangerous drugs and to tighten control over Amphetamine-Type Stimulants including Ecstasy.

- The Dangerous Drugs Act (Revised 1998) came into force on 15 September 1998. Under the amended Act, those in possession of :

  - Less than 5g of MDMA is punishable under Section 12(3) of the Act, which carries a general penalty of a fine not exceeding RM 100,000 or an imprisonment for a term not exceeding 5 years, or both

  - 5g to less than 30g of MDMA is chargeable under Section 39A(1) of the Act which carries a penalty of imprisonment for a term between 2 - 5 years, and whipping between 3 - 9 strokes of the rotan.

  - 30g or more but less than 50g of MDMA is chargeable under Section 39A(2) of the Act which carries a penalty of imprisonment for a term from 5 years to life, and whipping or not less than 10 strokes.

  - 50g or more of MDMA is presumed to be trafficking in the drug and carries the death penalty upon conviction under Section 39B of the Act.

- The amended Act also provides for mandatory whipping, of up to 3 strokes of the rotan, for government staff working in rehabilitation centres, police lockups, jails and detention camps caught in possession of the drug.

DETENTION FOR POSSESSION OF AND TRAFFICKING IN ECSTASY (1996 – 2000)

	1996	1997	1998	1999	Jan – May 2000
Sect. 39B	3	44	50	41	38
Sect. 39A(2)	-	-	-	11	29
Sect. 39A(1)	-	-	1	41	5
Other Sections	48	23	34	219	46
Total	**51**	**67**	**85**	**312**	**118**

Ekstasi adalah dadah perangsang jenis amfetamina (Amphetamina-Type Stimulants (ATS)) yang berbahaya kerana boleh merosakkan otak dan organ-organ utama badan. Dadah ini disalahgunakan untuk menikmati rasa seronok kerana kesan dadah ini dapat membuatkan penyalahgunanya berasa gembira, terangsang, sensitif kepada sentuhan, cepat mesra dan senang berdampingan dengan orang lain. Hakikatnya disebalik kesan yang nampak positif ini terdapat banyak kesan buruk penyalahgunaan dadah ini hingga boleh membawa kepada KEMATIAN.

SAYANGI DIRI • JAUHI EKSTASI

Diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia - 2000 A/BM (10,000)